

Perdana Menteri temui lapan pemimpin ASEAN

JM 1 1 DEC 2003

TOKYO 11 Dis — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menemui lapan pemimpin negara ASEAN secara berasingan dalam pertemuan yang disifatkannya sebagai untuk bertanya khabar dan mencari jalan untuk menyelesaikan sebarang masalah secara lebih pantas tanpa melalui saluran diplomatik.

Mereka yang ditemui ialah para pemimpin Brunei, Indonesia, Singapura, Thailand, Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar.

Pertemuan dengan Presiden Filipina akan diadakan esok.

Perdana Menteri berkata, be-

liau juga akan membuat lawatan rasmi ke semua negara anggota ASEAN sebagai meneruskan amalan tradisi di kalangan para pemimpin pertubuhan berkenaan.

Di dalam pertemuan dengan mereka yang diadakan secara berasingan di luar Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun yang dimulakan hari ini, Abdullah juga memberikan jaminan bahawa beliau akan meneruskan dasar hubungan yang dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, beliau berharap para pemimpin negara-negara ASEAN dapat ber-

hubung sesama mereka dengan lebih pantas tanpa melalui saluran diplomatik supaya masalah dan isu yang timbul dari semasa ke semasa boleh diselesaikan secara lebih mudah serta segera.

Beliau menjelaskan, ini bukanlah bermakna saluran diplomatik tidak akan digunakan lagi tetapi ia akan disesuaikan mengikut keadaan.

Katanya, Malaysia juga mahukan hubungan antara negara-negara ASEAN ditingkatkan dalam bentuk Suruhanjaya Bersama yang perlu mengadakan mesyuarat setiap tahun. — *Utusan*